



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

JAS PERTINGKATKAN TINDAKAN PENCEGAHAN DAN PENGUATKUASAAN PEMBAKARAN TERBUKA SELURUH NEGARA

Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menjalankan aktiviti rondaan dan operasi penguatkuasaan bagi mencegah pembakaran terbuka yang menyumbang kepada pencemaran udara, khususnya dalam keadaan cuaca panas dan kering ketika ini.

Sebagai langkah pencegahan proaktif, **JAS telah meningkatkan rondaan dan pemantauan fizikal secara intensif di kawasan-kawasan mudah terbakar**, khususnya kawasan pertanian, tanah gambut, kawasan semak samun, kawasan ladang yang terbiar, serta tapak pelupusan sampah yang dikenal pasti berisiko tinggi.

Bermula **8 Julai 2025**, pewakilan kuasa kepada pelbagai agensi penguatkuasaan telah mula berkuatkuasa. Langkah ini merupakan inisiatif strategik bagi memperkukuh pelaksanaan tindakan penguatkuasaan di lapangan, terutamanya dalam menangani isu pembakaran terbuka yang menyumbang kepada situasi jerebu. Pewakilan kuasa ini membolehkan tindakan segera, bersepadu dan lebih menyeluruh dapat dilaksanakan dengan pantas oleh agensi-agensi berkaitan. Antara agensi yang terlibat dalam pewakilan kuasa ini adalah seperti yang disenaraikan dalam **Lampiran I**.

Sebagai langkah kesiapsiagaan dan penyelarasan yang lebih komprehensif, Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan turut telah diaktifkan sejak 26 Februari 2025 **bagi menyelaras tindakan-tindakan agensi Kerajaan dalam menangani isu pembakaran terbuka dan menghadapi situasi jerebu negara**. Selain itu, **kerjasama rondaan dan pemantauan turut dijalankan bersama agensi rakan strategik seperti Angkatan**

Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan agensi penguatkuasaan lain di peringkat negeri dan daerah.

JAS juga menyeru **orang ramai agar tidak melakukan sebarang pembakaran terbuka**, khususnya bagi tujuan pertanian seperti pembersihan kebun, sisa pertanian atau tanah terbiar. Tindakan tegas akan diambil terhadap individu atau pihak yang didapati melanggar peruntukan di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 iaitu mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda sehingga RM1,000,000 (satu juta ringgit) atau penjara selama tempoh sehingga 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Di samping itu, kompaun sehingga tidak melebihi 50% denda maksimum boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Sehingga 21 Julai 2025, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah melakukan 4,121 rondaan darat dan 640 rondaan dron manakala bagi tindakan penguatkuasaan pula JAS telah mengeluarkan 58 Notis Arahan, 27 tindakan mahkamah dan mengenakan 59 kompaun ke atas pihak-pihak yang didapati melakukan kesalahan berkaitan pembakaran terbuka sepanjang tahun 2025.

Dalam masa yang sama, **semua pengusaha industri seperti kuari, kilang kelapa sawit, kilang premix dan lain-lain sektor industri** diminta untuk memastikan sistem kawalan pencemaran udara berfungsi dengan baik. **Pelepasan asap dari cerobong hendaklah sentiasa dipantau dan dikawal bagi mengelakkan pencemaran udara yang boleh menjejaskan kesihatan awam.**

JAS akan terus komited untuk mempertingkatkan pemantauan dan penguatkuasaan, serta mengadakan kolaborasi dengan pelbagai pihak bagi memastikan kualiti udara negara sentiasa terkawal.

Orang awam yang melihat atau mengesyaki berlakunya pembakaran terbuka boleh menyalurkan maklumat kepada JAS melalui:

- **Talian bebas tol: 1-800-88-2727**
- **E-mel: aduan@doe.gov.my**

- aplikasi telefon pintar rasmi MyJAS EQMS

JAS komited untuk terus memperkukuh tindakan pencegahan dan penguatkuasaan demi menjamin kualiti udara yang sihat dan persekitaran yang lestari untuk semua.

**DATO' WAN ABDUL LATIFF WAN JAFFAR
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR
22 JULAI 2025**



Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763